



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Sekretariat Pemindahan Ilmu,
Kementerian Pendidikan Malaysia



PERMOHONAN GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU

(Knowledge Transfer Programme - KTP)

- Skim Pembelajaran Sepanjang Hayat
(*Lifelong Learning Scheme*)

GARIS PANDUAN

SILA RUJUK LAMPIRAN UNTUK MAKLUMAT URUSETIA

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	3
BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	8
BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)	9
BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)	9
BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	10
GLOSARI	11

BAHAGIAN 1

Permohonan

1.1 LATAR BELAKANG

"Knowledge Transfer Programme (KTP)" dalam RMK-10 merupakan salah satu Projek Agenda Kritikal (CAP) di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) melalui kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi menggalakkan usaha sama bermanfaat antara Universiti Awam (UA) dengan organisasi (industri PKS dan komuniti) bagi memacu pertumbuhan ekonomi Negara sejajar dengan hasrat menjadikan Malaysia sebuah Negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

KTP mendokong pelbagai aktiviti bagi menyokong kerjasama yang saling menguntungkan di antara universiti dan organisasi (termasuklah agensi kerajaan/agensi bukan kerajaan/sector awam). KTP juga menyediakan pelantar bagi pertukaran harta intelek "*tangible*" dan "*intangible*", kepakaran, pembelajaran dan kemahiran antara akademia dan organisasi. Bentuk-bentuk interaksi termasuk kajian bersama, perundingan, pendidikan, latihan, pembangunan siswazah, persidangan, berkongsi kemudahan fizikal dan penempatan pelajar.

UA harus terlibat dengan organisasi terhadap inisiatif yang saling bermanfaat:

- a) **Akademia:** mampu menyampaikan/menggabungkan ilmu terbaru yang dijana daripada penyelidikan kepada industri PKS dan komuniti melalui pengajaran, pembelajaran, latihan dan perundingan.
- b) **Organisasi (industri PKS dan komuniti):** dapat memanfaatkan sumber daya UA bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran supaya lebih bersaing dalam perniagaan, memantapkan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup mereka.
- c) **Siswazah Pelatih (*Graduate Intern*):** meningkatkan pembangunan peribadi dan profesionalisme.

1.2 OBJEKTIF PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

- i. Bagi menyediakan platform pembelajaran sepanjang hayat yang memperkayakan kualiti modal insan dari segi ilmu dan kemahiran di UA (Siswazah Pelatih) dan organisasi (industri PKS dan komuniti) berasaskan pemindahan ilmu dan teknologi terkini dalam 6 Bidang Keutamaan Negara (*Cyber Security, Energy Security, Environment and Climate Change, Food Security, Medical and Healthcare, Water Security*)
- ii. Bagi memindahkan ilmu dan kemahiran terkini yang selari dengan pemodenan dan kemampuan RMK-11 menerusi pembelajaran sokongan tempat kerja (berterusan) bagi memastikan peningkatan pendapatan, perkhidmatan serta meningkatkan taraf hidup organisasi
- iii. Bagi memudahkan akses ilmu dan kemahiran melalui pemindahan/pertukaran/perkongsi idea-idea kreatif dan inovatif, hasil penyelidikan dan pengalaman UA kepada organisasi

1.3 BIDANG KEUTAMAAN NEGARA (*NATIONAL PRIORITY AREAS*) PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) - SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Pembiayaan geran Program Pemindahan Ilmu (Skim Pembelajaran Sepanjang Hayat) meliputi bidang-bidang keutamaan Negara yang telah dikenalpasti seperti berikut:

1. **Keselamatan Siber** – pembangunan sistem negara yang berautonomi dan terpelihara bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber asing bagi kepentingan strategik sistem
Cyber Security – *development of national autonomous and secure system to reduce the dependency on foreign for systems of strategic importance*
2. **Persekitaran dan Perubahan Iklim** – menyokong pengurusan ekosistem, perlindungan dan penambahbaikan kepada pengurangan banjir, kemarau dan pencemaran udara serta penggalakan kepada eko-pelancongan
Environment and Climate Change – *supporting ecosystem management, protection and improvement to mitigate flood, drought and air pollution as well as promotion of eco-tourism*
3. **Keselamatan Makanan** – penambahbaikan kepada tanaman makanan, ternakan, perikanan dan bekalan makanan ternakan; pemfokusan kepada fisiologi dan teknologi pasca-tuaian bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan ruji import
Food Security – *improvement of food crops, livestock, fisheries and animal feedstock; focusing on post-harvest physiology and technology to reduce dependency of import on staple food*
4. **Perubatan dan Penjagaan Kesihatan** – meningkatkan tahap kesihatan, kesejahteraan dan kelanjutan usia melalui kaedah diagnostik, pencegahan dan rawatan penyakit gaya hidup serta kemunculan penyakit baru
Medical and Healthcare – *improving health, wellbeing and longevity through the diagnostic, prevention and treatment of lifestyle diseases as well as new and emerging diseases*
5. **Keselamatan Tenaga** – memanfaatkan sumber alternatif dan meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga
Energy Security – *harnessing alternative resources and improving the efficient use of energy*
6. **Keselamatan Air** – memastikan bekalan air mampan dengan menambah baik pemprosesan dan rawatan air
Water Security – *ensuring sustainable water supply by improving the processing and treatment of water*

1.4 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik UA dengan syarat-syarat berikut:

- Warganegara Malaysia; dan
- Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau
- Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai ahli bersama bertaraf tetap.

- Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai ahli bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
- Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Projek bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan. Bagi Ketua Projek sedia ada, permohonan baru akan dipertimbangkan sekiranya pelaksanaan projek terdahulu telah mencapai 70% setelah disah dan diperakukan oleh pihak UA.
- Ketua Projek boleh memasukkan ahli bersama daripada Universiti Awam lain, Universiti Swasta, Politeknik dan Kolej Komuniti.
- Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu **(RM 80,000.00)**.
- Setiap projek yang dipohon perlulah memasukkan sekurang-kurangnya satu rakan perkongsian daripada organisasi*. (*rujuk kepada Glosari untuk definisi)
- Ketua Projek dan Akademia Bersama mestilah TIDAK mempunyai kepentingan dalam organisasi yang melibatkan keuntungan kepada akademia (contoh: syarikat pemilikan bersama dan pemegang saham syarikat)
- Syarikat dan anak syarikat dalaman UA bagi Ketua Projek dan ahli bersama yang memohon TIDAK dibenarkan menjadi rakan projek.
- Setiap projek yang dipohon perlulah memasukkan Siswazah Pelatih* bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan. (*rujuk kepada Glosari untuk definisi)
- Kos projek akan dibiayai oleh geran KTP dan organisasi (kewangan atau bukan kewangan) dalam nisbah 70% (geran): 30% (organisasi)
- Tempoh program mestilah tidak melebihi 1 tahun.
- Projek-projek berbentuk “one off” tidak akan dipertimbangkan.
- Pensyarah yang bercuti sebatikal atau belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan projek.
- Ketua Projek yang berpindah UA hendaklah melepaskan kedudukan sebagai Ketua Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan projek berkenaan.

1.5 PERATURAN PERMOHONAN GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

- Permohonan bagi Geran Program Pemindahan Ilmu (KTP) – Skim Pembelajaran Sepanjang Hayat perlu menggunakan **Borang KTP-PSH** (Versi 6.0) yang terkini dan boleh dimuat turun melalui ktc.usm.my.

- Permohonan bagi Geran Program Pemindahan Ilmu (KTP) – Skim Pembelajaran Sepanjang Hayat dibuka kepada projek KTP yang menepati bidang tumpuan utama (perenggan 1.3) dan syarat (perenggan 1.4).
- Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Timbalan Naib Canselor/Pengarah yang bertanggungjawab di UA masing-masing. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia KTP bersama-sama borang permohonan tersebut.
- Semua projek dibiayai oleh geran KTP dan Ketua Projek mestilah mengisytiharkan pembiayaan yang diperolehi daripada organisasi bagi projek tersebut.

1.6 KRITERIA PENILAIAN PERMOHONAN GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Projek yang dipohon mestilah merupakan projek yang dapat menghasilkan pemindahan ilmu berkaitan pembelajaran sepanjang hayat yang memberi impak kepada sasaran organisasi projek tersebut.

Projek tersebut perlulah mempunyai salah satu atau lebih daripada perkara berikut:

- Melaksanakan projek-projek dengan organisasi secara berterusan dan mempunyai hasil yang boleh diukur (keberhasilan dan impak),
- Peningkatan kapasiti organisasi (tidak kurang daripada 10 sumber manusia),
- Kerjasama strategik,
- Proses pemindahan ilmu yang jelas menerusi Siswazah Pelatih.

Keutamaan akan diberikan kepada projek yang mempunyai potensi untuk berjaya dengan komitmen daripada organisasi, ahli akademik dan UA.

1.7 PERATURAN KEWANGAN GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

- Vot 11000
Upah dan Elaun untuk Siswazah Pelatih (Graduate Intern)
Upah dan elaun untuk membiayai GI sahaja (permohonan tidak melebihi RM 24,000.00). Siling upah dan elaun tidak melebihi RM 2000.00 sebulan.
- Vot 21000
Perjalanan dan Pengangkutan
Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. Perjalanan dan pengangkutan bagi tujuan menghadiri persidangan dan yang berkaitan (selain daripada anjuran Urus Setia KTP Nasional) serta pengkomersilan dalam negara dan luar negara adalah **TIDAK** dibenarkan.

- Vot 23000
Perhubungan dan Utiliti
Pembiayaan telefon, fax, pos biasa, mel udara, mel berdaftar dan ekspres (permohonan tidak melebihi RM 5,000.00).
- Vot 24000
Sewaan
Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan projek sahaja.
- Vot 27000
Bekalan dan Bahan Projek
Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan projek sahaja dibenarkan.
- Vot 29000
Perkhidmatan Ikhtisas
Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek. Pembayaran yuran persidangan dan yang berkaitan (selain daripada anjuran Urus Setia KTP Nasional) serta penerbitan adalah **TIDAK** dibenarkan.

1.8 HASIL PROJEK GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Sasaran projek:

Setiap projek perlu menetapkan sasaran yang relevan kepada objektif KTP untuk pengukuran keberhasilan projek seperti berikut:

1.8.1 Hasil Pemindahan Ilmu

Projek KTP ini perlulah menyenaraikan hasil kepada perkara-perkara berikut berdasarkan kepada sasaran yang ditetapkan:

- Hasil kepada organisasi (contoh: pertambahan perolehan syarikat atau keuntungan, peningkatan kualiti hidup).
- Pulangan kepada UA (Pengiktirafan kepada ahli akademik)
- Pembangunan Modal Insan kepada Siswazah Pelatih (kebolehpasaran Siswazah Pelatih).
- Jenis ilmu yang telah dipindahkan.
- Hasil "*Intangible*"

1.8.2 Penerbitan

Semua projek mestilah didokumentasikan dalam bentuk laporan teknikal. Penghargaan kepada geran KTP mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap laporan yang diterbitkan.

1.8.3 Hak Harta Intelekt

Harta Intelekt hasil geran KTP menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia, organisasi dan UA tertakluk kepada persetujuan bersama:

- Pengurusan Harta Intelekt adalah menjadi tanggungjawab UA.
- Hasil pengkomersilan dari projek yang dibiayai oleh geran KTP dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.
- Bagi UA, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.

1.9 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

- Pihak Urus Setia KTP Nasional akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran KTP melalui surat rasmi kepada UA dan menerusi laman web ktc.usm.my.

BAHAGIAN 2

Penilaian

2.1 PENILAIAN PERMOHONAN GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

- Permohonan Geran KTP – Skim Pembelajaran Sepanjang Hayat akan dinilai oleh Ahli Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang tumpuan utama yang telah ditetapkan. Ahli Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Pengerusi KTP untuk diluluskan.
- Penilaian oleh Ahli Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan KTP.

BAHAGIAN 3

Pemantauan

3.1 IMPLEMENTASI PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Semua projek yang diluluskan di bawah Geran KTP perlu dipantau dari aspek:-

- Prestasi projek; dan
- Prestasi kewangan.

3.2 PENGAWALAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

- Setiap UA perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia KTP Nasional laporan prestasi dan kewangan projek menggunakan **Borang Laporan Kemajuan Berkala KTP** setiap **3 bulan** oleh Ketua Projek setelah disahkan oleh Timbalan Naib Canselor/Pengarah yang bertanggungjawab.
- Setiap Laporan **6 bulan** mesti disertai laporan daripada pihak organisasi dengan menggunakan **Borang Maklumbalas Organisasi**.
- Laporan akhir projek perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan **Borang Laporan Akhir KTP** kepada Urus Setia KTP Nasional.

BAHAGIAN 4

Keputusan

4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN GERAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – SKIM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

- Surat kelulusan projek akan dihantar kepada Naib Canselor UA dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Tanggungjawab KTP di UA masing-masing.
- Pembayaran akan dibuat oleh Bendahari USM kepada Bendahari UA yang berjaya setelah surat kelulusan KTP dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Penilaian.
- Pusat Tanggungjawab KTP di UA masing-masing dibenarkan mengambil 2.5% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tujuan pengurusan geran yang merangkumi kos operasi, pemantauan dan kos lain-lain yang berkaitan. Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya Pusat Tanggungjawab KTP di UA memutuskan untuk tidak mengambil 2.5% tersebut.

BAHAGIAN 5

Lain-lain

5.1 KETUA PROJEK BERHENTI BERTUGAS DI UA/BERPINDAH UA

Geran KTP diluluskan dan diperakukan bagi sesebuah UA. Jika berlaku seperti di atas, geran tersebut masih di bawah kawal selia UA yang diperakukan. Dengan itu, keputusan terhadap UA tersebut akan digunapakai.

GLOSARI

Definisi Siswazah Pelatih (Graduate Intern)*

Graduate Intern boleh didefinisikan sebagai:

1. Warga negara Malaysia
dan,
2. Telah berijazah dengan Sarjana Muda atau pelajar berdaftar sepenuh masa UA di peringkat pasca siswazah.
dan,
3. Belum menghadapi tindakan disiplin atau proses oleh UA atau mahkamah di Malaysia atau negara-negara lain.

Definisi Organisasi*

1. Sumber manusia atau entiti (syarikat umpamanya) yang terlibat dalam enterpris perniagaan;
atau,
2. Sebarang bentuk aktiviti berorientasikan ekonomi yang menghasilkan produk atau perkhidmatan;
atau,
3. Sebarang bentuk aktiviti seperti di atas yang boleh dikenalpasti sebagai sebahagian daripada 'supply chain' atau rangkaian penawaran produk atau perkhidmatan;
atau,
4. Sektor organisasi yang terlibat dalam enterpris perniagaan untuk sesuatu produk atau perkhidmatan seperti persatuan peniaga atau dewan perniagaan;
atau,
5. Sekumpulan manusia/entiti/persatuan/pertubuhan yang berinteraksi/bergerak untuk kepentingan bersama di dalam sesuatu kelompok masyarakat;
atau,
6. Institusi yang ditubuhkan untuk mencapai matlamat sosial seperti institusi pendidikan, sekolah, pra-sekolah dan institusi-institusi latihan;
atau,

7. Jaringan perhubungan antara pelbagai kelompok dan individu;

atau,

8. Individu atau sekumpulan individu yang bergerak secara sukarela untuk memberikan khidmat kepada masyarakat termasuk sanggup menolong antara satu sama lain, dengan berasas kepada nilai-nilai murni seperti kenegaraan, kesusilaan, pembinaan negara bangsa, hak asasi dan etika.

SEBARANG PERTANYAAN/MAKLUMAT TAMBAHAN SILA HUBUNGI:



KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME

URUSETIA PROGRAM PEMINDAHAN ILMU - KTP

Pusat Pemindahan Ilmu
Aras 1, Bangunan C26 Toray-USM
Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang

Tel: 04 - 653 6725

Faks: 04 - 653 6728

Emel: ktpsecretariat@gmail.com

Laman Web: ktc.usm.my